



'Melaka Alive' Perkenal 'Pirate Adventure 5D' Dengan Kos RM1.3 Juta

MELAKA, 10 Sept (Bernama) – Melaka Alive, sebuah produk pelancongan yang memaparkan sejarah kegemilangan Melaka melalui persembahan teater dan teknologi tinggi, memperkenalkan produk terbaru iaitu persembahan teater Pirate Adventure 5D dengan kos kira-kira RM1.3 juta.

Pengerusi Melaka Alive, Mohd Nizar Mohd Najib berkata teater yang berunsur lima dimensi itu akan dipersembahkan di The Pirate Adventure di kawasan Kompleks Sejarah Bandar Hilir di sini.

Beliau berkata Pirate Adventure 5D yang terletak di Zon Warisan Dunia UNESCO di sini bermatlamat menyediakan pengalaman luar biasa kepada pengunjung melalui gabungan elemen teater dan pengambaran serta kesan khas yang canggih.

"Penonton dapat melihat secara terus pengalaman hidup lanun pada masa kegemilangan Melaka satu ketika dahulu melalui persembahan teater ini.

"Kita sentiasa menambah baik produk pelancongan yang ada dari semasa ke semasa selain dengan memperkenalkan produk terbaru dan sehingga kini telah membelanjakan RM20 juta (untuk keseluruhan projek Melaka Alive)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis perasmian teater 'Pirate Adventure 5D Melaka Alive' di Bandar Hilir di sini yang disempurnakan Ketua Menteri, Melaka Datuk Seri Idris Haron.

Mohd Nizar berkata produk berkenaan dijangka dapat menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke Melaka Alive, sekali gus meningkatkan kedatangan pelancong ke Melaka.

Sementara itu, Idris berkata persembahan berkenaan akan menjadi satu ikon terbaru dalam sektor perlancongan negeri itu

"Saya percaya Melaka Alive akan terus menyumbang kepada pertambahan bilangan pelancong di Melaka dan kerajaan negeri membantu meningkatkan publisiti produk pelancongan yang ada di sini kerana ia bukan sahaja mempunyai unsur hiburan tetapi juga ilmu dan sejarah," katanya.

Pirate Adventure 5D beroperasi daripada pukul 10 pagi hingga 7 petang pada Isnin hingga Khamis manakala 10 pagi hingga 9.30 malam pada Jumaat hingga Ahad.

Tiket berharga antara RM15 hingga RM25.

-- BERNAMA